



Saedah (kiri) bersama Ellina Mamat memastikan pelajar PDK mempraktikkan latihan yang diberikan melalui aplikasi WhatsApp ketika ditemui di PPDK Bunohan, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

PDK manfaat aplikasi

Tumpat: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) turut diaplikasi oleh pelajar Pusat Peliharaan Dalam Komuniti (PDK).

Setiap pelajar diarah oleh petugas PDK mempraktikkan latihan yang diberi melalui aplikasi WhatsApp merangkumi pengurusan diri, komunikasi dan akademik.

Penyelia PPDK Bunohan, Nor Aizon Mat Saman, berkata 24 pelajar itu dibahagikan kepada empat kumpulan WhatsApp dan setiap satunya diurus seorang petugas.

“Setiap hari petugas akan masukkan modul pengajaran bergantung kepada keadaan pelajar iaitu Sindrom Down, masalah pembelajaran atau yang lain.

“Bagi aktiviti kemahiran, pe-

lajar diajar pengurusan diri contohnya melipat pakaian, manakala bagi yang kekurangan fizikal, ibu bapa diarah membuat latihan anggota badan.

“Selepas itu, ibu bapa akan memuat naik gambar atau video mengenai aktiviti dilakukan anak mereka untuk kami membuat laporan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Nor Aizon berkata, pembelajaran norma baharu itu bermula minggu lalu membabitkan pelajar berusia lima hingga 33 tahun dan setakat ini semua ibu bapa memberi kerjasama.

Petugas PDK Bunohan, Saedah Yusoff, 37, menghantar arahan pembelajaran kepada ibu bapa bagi pelajarnya yang mengalami kekurangan fizikal atau Sindrom Down.

“Ada ibu pelajar bekerja di ke-

dai makan dan tidak mempunyai masa untuk menghantar gambar atau video tugasan diberi kepada anak, namun tetap menghantarnya pada lewat petang,” katanya.

Terdahulu, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kebajikan Insaniah Kampung Kajang Sebidang (INSANIAH) menghulurkan 24 bungkus barang dapur kepada pelajar di PDK berkenaan.

Ketua Biro Kebajikan INSANIAH, Jamilah Ahmad, berkata bantuan itu adalah bagi pelajar yang terjejas disebabkan ibu bapa tidak dapat bekerja dalam tempoh pandemik COVID-19.

“Sebanyak 40 pek barang dapur diaghid membabitkan PDK Bunohan dan Pengkalan Kubor dengan peruntukan adalah daripada beberapa syarikat dan orang perseorangan,” katanya.